

14/10/2001

Jelaskan konsep negara Islam sebelum dialog

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Pas menjelaskan terlebih dulu mengenai konsep negara Islam yang diinginkan sebelum Umno bersetuju mengadakan dialog dengan parti itu.

Beliau berkata, parti pembangkang itu sehingga kini masih belum berani menyahut cabaran Umno dengan menjelaskan kepada umum mengenai perbezaan antara negara Islam Pas dan negara Islam Malaysia yang ada sekarang.

Katanya, sebarang usaha mengadakan dialog antara Umno dan Pas adalah sia-sia kerana usaha itu boleh diibaratkan seperti mengadakan perbincangan antara orang celik dan orang buta.

"Dia (Datuk Fadzil Noor) tidak tahu sama ada belalai gajah adalah gajah atau ekor atau telinga yang dikatakan gajah. Kerana mereka (Pas) akan kata perkara yang sama iaitu mereka sentiasa tidak bersetuju dengan semua perkara," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Multaqa Pimpinan Hal Ehwal Islam di Hotel Mint, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab dakwaan Presiden Pas, Fadzil Noor di Parlimen sebelum itu yang mendakwa Umno tidak berani mengadakan sebarang dialog dengan Pas.

Dr Mahathir turut menjawab cabaran Pas sebelum itu memintanya, mengisytiharkan negara ini sebagai negara Islam.

Pada 29 September lalu, Dr Mahathir dalam ucapannya mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam dan berkata, perlembagaan tidak perlu dipinda berikutan perisytiharan itu.

Ketika menjawab soalan mengenai persiapan Umno bagi menghadapi pilihan raya umum berikutan isu negara Islam oleh Pas, Dr Mahathir berkata, Umno akan memastikan fitnah itu tidak berlarutan dan dihentikan segera.

"Ini adalah fitnah dan dakwaan siapa yang hijack Islam, jawapannya adalah Pas. Bila dia (Pas) mula nak bentuk parti nak lawan dengan Umno, dia hijack Islam untuk diri dia, dia rampas Islam sehingga orang yang bukan ahli Pas, tidak Islam," katanya.

Katanya, semua komponen parti bukan Islam dalam Barisan Nasional (BN) tidak menghadapi masalah menerima pengisytiharan itu memandangkan mereka sedar hak mereka terus dipertahankan.

"Pada mereka, apa yang lebih penting, kerajaan tidak merampas hak mereka jika mereka terus mahu menganut Hindu atau Kristian atau apa saja, kami tidak pernah memaksa mereka.

"Mereka juga gembira dan tidak ada masalah dengan perlembagaan yang menyatakan negara ini sebagai Islam. Ini kerana melalui perlembagaan, walaupun Islam agama rasmi, semua agama lain boleh diamalkan," katanya.

Ketika menjawab dakwaan DAP yang menuduh pengisytiharan negara Islam itu sebagai tidak sah kerana bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan, Dr Mahathir berkata:

"Dia (Lim Kit Siang) boleh kata apa yang dia suka, sama ada negara ini adalah negara sekular, kami tidak membantah apabila mereka kata Malaysia sebagai sekular.

"Jadi, mengapa mereka perlu bantah apabila kita mengisytiharkan negara ini sebagai negara Islam," katanya.

(END)